

NOTIS

KURSUS ULANGKAJI UNTUK KONTRAKTOR PERMIT C

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dengan ini memaklumkan bahawa semua kontraktor yang memiliki Permit Industri Perkhidmatan Air (IPA) Jenis C yang disahkan oleh SPAN untuk pembinaan, pemasangan atau pengubahsuaian ke mana-mana bahagian sistem bekalan air **wajib** menghadiri Kursus Ulangkaji bermula pada **1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2021** sebelum permit C sedia ada dapat diperbaharui.

Kursus Ulangkaji (Paip & Retikulasi) sistem bekalan air akan dijalankan dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia di lima (5) buah lokasi iaitu Akademi Binaan Malaysia (ABM) di Kedah, Kuala Lumpur, Johor, Terengganu dan Jabatan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan. Kursus Ulangkaji ini bertujuan untuk memastikan semua kontraktor yang terlibat dalam perkhidmatan bekalan air khususnya bekalan air sentiasa dimaklumkan dan dikemaskini mengikut keperluan SPAN termasuk peraturan, kaedah dan Garis Panduan Teknikal Seragam (UTG).

KEGAGALAN UNTUK MENGHADIRI KURSUS ULANGKAJI INI SEBELUM 30HB JUN 2021 AKAN MENYEBABKAN PERMIT SEDIA ADA TAMAT SECARA AUTOMATIK DAN TIDAK AKAN DIPERBAHARUI LAGI OLEH SPAN.

Semua Permit IPA Jenis C (Bekalan Air) dikehendaki menghubungi Bahagian Perancangan Sumber & Perkhidmatan Kejuruteraan, Jabatan Kawal Selia Air SPAN di 03-8317 9333 (sambungan 201/227) untuk pertanyaan lanjut dan pendaftaran Kursus Ulangkaji.

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

NOTICE

REFRESHER COURSE FOR PERMIT C CONTRACTORS

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) hereby inform that, all contractors in possession of Water Services Industry (WSI) Permit Type C (works contractors) endorsed by SPAN for the construction, installation or modification to any part of a water supply system **must** attend a Refresher Course between **1st July 2018 and 30th June 2021** prior to further renewal of the permit.

The compulsory Refresher Course (Reticulation & Pipelines) of water supply system will be conducted in collaboration with Construction Industry Development Board (CIDB) at the following five (5) locations namely Akademi Binaan Malaysia (ABM) in Kedah, Kuala Lumpur, Johor, Terengganu and Jabatan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan. It aims to ensure that all contractors involved in water supply services are kept informed and updated on SPAN's requirements including regulations, rules and guidelines.

FAILURE TO COMPLETE THE REFRESHER COURSE BEFORE 30TH JUNE 2021 WILL CAUSE AUTOMATIC TERMINATION OF EXISTING PERMIT AND WILL NOT BE FURTHER RENEWED BY SPAN.

All WSI Permit Type C (Water Supply) contractors are requested to contact Resource Planning & Engineering Services Division, Water Regulatory Department of SPAN at 03-8317 9333 (extension 201/227) for further inquiries and registration of Refreshers Course.

Chief Executive Officer
National Water Services Commission (SPAN)